

Headline **Kerabat Arab beri Rosmah RM7 juta**  
Date **07 Nov 2009**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Negara**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **4**  
Article Size **156 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,356**  
PRValue **4,069**



## Kerabat Arab beri Rosmah RM7 juta

**PUTRAJAYA** – Semasa bercuti dengan keluarga di selatan Perancis pada Ogos lalu, Datin Seri Rosmah Mansor (**gambar**) terjumpa sebuah kotak milik Putera Saud Al-Saud dari Arab Saudi dalam sebuah bot dan memulangkannya kepada kerabat diraja itu.

Sebagai balasan kerana kejujurannya itu, isteri Perdana Menteri diberikan AS\$2 juta (RM7 juta) untuk diagih-agihkan kepada rakyat Malaysia yang memerlukan.

Semalam, Rosmah mengagihkan sebahagian wang itu berjumlah RM20,000 setiap satu kepada 13 persatuan amal termasuk Persatuan Bekas Tentera Malaysia, Persatuan Pandu Puteri Malaysia, Majlis AIDS Malaysia, Yayasan Harapan Kanak-kanak Malaysia, Persatuan Orang Cacat Anggota Malaysia dan Persatuan isteri wakil rakyat Barisan Nasional di setiap negeri.

Beliau berkata, AS\$1 juta lagi akan diserahkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang menguruskan Sekolah Permata Pintar bagi menampung pembelian keperluan sekolah manakala baki RM2.98 juta akan di-

simpan dalam tabung khas Bakti bagi membiayai kos rawatan kanak-kanak dan wanita yang berpenyakit kronik yang miskin.

Ketika menceritakan pertemuan kotak itu kepada pemberita, Rosmah berkata, beliau sekeluarga sedang bercuti atas jemputan putera diraja Kuwait yang berkawan dengan anaknya, Riza Shahriz.

“Semasa sedang berkemas ketika hendak balik, saya terjumpa kotak itu dan berikannya kepada pengurus bot dan beritahu supaya pulangkan barang berharga ini kepada tuan punya. Saya kata jangan usik, jangan buat apa-apa. Pastikan ia dalam keadaan baik dan beri kepada Putera Saud Al-Saud,” katanya.

Menurutnya, dua minggu selepas itu baginda mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana memulangkan kotak itu yang tercicir semasa bercuti dalam bot yang sama.

“Putera itu kata nak berikan hadiah dan saya kata hadiah terbaik adalah untuk kesejahteraan rakyat Malaysia,” kata Rosmah.

Selepas menerima cek ganjaran itu, beliau berbincang dengan Datuk Seri Najib Tun Razak yang meminta beliau mengagihkan wang itu kepada pihak yang memerlukan.

